

PM dijangka buat pengumuman esok

BH - 15/8/2021 m/s: 3

Muhyiddin dijadual menghadap Seri Paduka terlebih dahulu

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka membuat satu pemakluman penting berkaitan kedudukan dan kerajaan pimpinannya, esok.

Ini dimaklumkan oleh pegawai kanan kepada dua menteri ketika dihubungi *BH*, malam tadi.

“Makluman oleh Perdana Menteri itu dijangka dibuat pada tengah hari, sebaik beliau selesai menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara,” kata pegawai kanan terbabit.

Katanya, pada pagi esok, Mu-

hyiddin dijangka mengadakan pertemuan dengan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani dan Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Affendi Buang serta pegawai kanan kerajaan.

“Ya, dijangka Isnin ada pengumuman. Mungkin tengah hari,” katanya.

Selesai pertemuan itu, Muhyiddin seterusnya dijangka mengadakan mesyuarat ringkas bersama anggota Kabinetnya.

Difahamkan pagi semalam, Muhyiddin mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin Perikatan Nasional (PN), UMNO serta beberapa menteri bagi memaklumkan hasrat dan rancangannya selepas ini.

Di sebelah petang pula, beliau mengadakan pertemuan dengan pemimpin utama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan dijangka disusuli satu mesyuarat bersama Ahli Majlis Tertinggi (MT) partinya, hari ini.

Kelmarin, Muhyiddin menawarkan kerjasama rentas parti

antara kerajaan PN dengan parti di luar kerajaan sekiranya usul undi percaya terhadapnya diluluskan di Dewan Rakyat pada 7 September depan.

Beliau berkata, cadangan itu dibuat bagi membolehkan kerajaan terus berfungsi ketika pandemik COVID-19 dengan sokongan bi-partisan di Parlimen.

Bagaimanapun, tawaran Perdana Menteri itu ditolak majoriti ahli Parlimen pembangkang dari Pakatan Harapan, Parti Warisan Sabah (WARISAN) dan Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) serta Ahli Parlimen UMNO yang sebelum ini menarik sokongan kepada beliau.

Sementara itu, jurucakap Istana Negara ketika dihubungi malam tadi memberitahu belum dapat mengesahkan majlis menghadap oleh Perdana Menteri bersama Yang di-Pertuan Agong.

Dalam pada itu, mesyuarat BERSATU yang dijadual hari ini juga dijangka boleh mempengaruhi pendirian yang sudah dibuat Perdana Menteri.